

PM: Kerajaan sedar rasa bimbang kemelesetan baru global
The Malaysian Insider
23 September , 2011

PETALING JAYA, 23 Sept — Kerajaan sedar mengenai perasaan bimbang terhadap kemelesetan baharu global, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini.

“Seperti yang anda ketahui, Wall Street terjejas. Oleh itu kita perlu memantu kedudukan itu secara berhati-hati,” katanya pada persidangan kebangsaan bertema “Menjadi Negara Berpendapatan Tinggi, Satu Realiti,” di sini.

Dalam usaha menjayakan agenda nasional jangka panjang negara untuk merealisasikan Wawasan 2020, ia perlu persekitaran luar yang baik untuk kerajaan dan rakyat berjaya dan maju, kata Najib (gambar) yang juga Menteri Kewangan.

Dipetik Bernama Online, Najib berkata beliau memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi bagi mewujudkan persekitaran di Malaysia yang membolehkan perniagaan berkembang dan maju dan membolehkan pertumbuhan ekonomi mampan yang akan memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia.

“Meskipun banyak negara Barat berusaha keluar daripada kemelesetan, dan pakar global terus menjangkakan “muram dan gagal” sejak dua tahun lepas, ekonomi kita berkembang dengan ketara,” katanya.

Perdana Menteri berkata keluaran negara kasar Malaysia telah meningkat sebanyak lebih tujuh peratus dan pelaburan langsung asing pada separuh pertama tahun ini mencatat AS\$7 bilion (RM22.05 bilion), meningkat 76 peratus pada tempoh yang sama tahun lepas, yang merupakan tahun yang mencatatkan rekod.

Najib berkata Bursa Malaysia mencatat enam rekod tinggi antara Januari dan September, prestasi yang dicemburui oleh pasaran di seluruh dunia.

“Syarikat-syarikat yang disenarai di bursa itu mempunyai penguasaan pasaran melebihi AS\$44 bilion, meningkat 15 peratus dalam tempoh 12 bulan,” katanya.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pm-kerajaan-sedar-rasa-bimbang-kemelesetan-baru-global/>